

→ BISNES

# Sunway sasar raih kontrak kerja RM2.5b

➔ Kumpulan bida projek bernilai sehingga RM15 bilion setahun

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bh.com.my

**S**unway Bhd, antara konglomerat terbesar negara, dijangka meraih kontrak kerja baharu bernilai sehingga RM2.5 bilion tahun ini.

Pengasas merangkap Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah AO, berkata ia disandarkan kepada andaian kadar kejayaan meraih kontrak yang dibida oleh kumpulan itu setiap tahun.

"Secara umumnya kumpulan, menerusi segmen pembinaan, membida projek bernilai antara RM10 bilion dan RM15 bilion setahun dengan kadar kejayaan

bida antara 10 peratus dan 20 peratus.

"Bersandarkan andaian ini, ia akan memberikan kami kontrak kerja baharu antara RM1.5 bilion dan RM2.5 bilion," katanya.

#### Teroka peluang baharu

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) kumpulan itu di Petaling Jaya, semalam.

Jeffrey berkata, kumpulan itu juga kini bersedia menerokai peluang pertumbuhan baharu dalam berhadapan perubahan landskap perniagaan hari ini.

"Prestasi perniagaan teras kami baik tetapi kami menyedari akan perlunya mencari horizon baharu

sekiranya mahu maju dalam dekad berikutnya.

"Ini sudah tentu memerlukan transformasi Sunway menjadi syarikat era digital dengan pemikiran baharu yang dapat membantu kami mengenalpasti dan menyambarnya peluang baharu," katanya.

Jeffrey berkata, dengan menyedari peralihan itu, pihaknya melantik Datuk Sri Idris Jala sebagai Pengerusi Bersama Sunway.

"Siapa lagi yang lebih baik membantu transformasi kami kalau bukan 'Encik Transformasi' itu sendiri," katanya.

Jeffrey menegaskan beliau akan terus menerajui Sunway Group sebagai pengerusi eksekutif, manakala Idris akan mempengeru-

sikan mesyuarat dalam mencarta hala tuju strategik dan merealisasikan wawasan kumpulan itu.

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan perniagaan baharu yang bakal diceburi kumpulan itu.

Sunway katanya, akan terus mengembangkan portfolio perniagaan terasnya pada peringkat domestik dan serantau.

Kumpulan itu kini menumpu mengembangkan sektor penjagaan kesihatan dengan cadangan membina lima bangunan hospital baharu bernilai RM1.2 bilion.

Kumpulan itu juga sudah menubahkan Sunway Venture sebagai cabang modal teroka bagi mengenal pasti dan mendapatkan perniagaan baharu.



[ FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH ]

Jeffrey (tengah) dan Idris (dua dari kiri) pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Kumpulan Sunway di Petaling Jaya, semalam